

## PENDAHULUAN

### 0.1 PENGENALAN

Kajian ilmiah ini bertajuk “ANALISIS HADITH MENGENAI HAIWAN FASIQ DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH PENGKALAN HULU, PERAK” merupakan sebuah kajian kritis memfokuskan analisis hadith-hadith Nabi SAW secara tematik (bertajuk). Pengkajian ini bukan sahaja menyentuh tentang matan (teks) hadith dan kefahamannya, bahkan merangkumi kajian sanad disebut ilmu dirayah dan riwayat.

Perbincangan dalam bab ini tertumpu kepada gambaran awal kajian seperti permasalahan kajian, objektif kajian, ulasan penulisan, kepentingan dan skop kajian. Perkara utama dalam bab ini ialah penjelasan metodologi yang digunakan dalam kajian.

### 0.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Setiap haiwan di atas muka bumi ini merupakan makhluk ciptaan-Nya dan patuh kepada *Rabb al-Jalīl*. Kewujudannya adalah sebagai satu umat di samping manusia. Haiwan turut mempunyai hak-hak yang wajib dipenuhi. Firman Allah SWT;

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمَمٌ أَمْثَالُكُمْ ۚ مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ  
مِنْ شَيْءٍ ۚ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

Al-An‘ām 6: 38

Terjemahan: “Dan tiadalah haiwan-haiwan yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat-umat seperti kamu. Tiadalah Kami alpakan sesuatu pun di dalam Al-Kitab (*al-Qur’an*), kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan.”

Perkaitan manusia dan haiwan amat unik. Hal ini merupakan *sunnatullāh* sejak zaman awal kenabian. Kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Malah, Allah SWT mengurniakan ilham kepada haiwan yang dikehendaki-Nya untuk memberi pengajaran pada manusia.<sup>1</sup> Hal ini dapat dilihat dalam banyak peristiwa pada era manusia. Antara kisah paling popular ialah kisah dua orang putera Adam AS iaitu Qabīl dan Ḥabīl di mana Allah SWT mengutuskan sepasang burung gagak untuk memperlihatkan Qabīl bagaimana menguburkan Ḥabīl yang telah dibunuhnya.

Peranan haiwan ternakan misalnya lembu, kambing dan unta turut signifikan pada manusia sebagaimana firman Allah SWT;

وَاللّٰهُنَّعَمَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيْهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُوْنَ ﴿٥﴾

Al-Naḥl 16: 5

Terjemahan: “Dan Dia telah menciptakan haiwan ternak untuk kamu, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat, dan sebahagiannya (juga) kamu makan.”

Begitupun, bukan semua haiwan bermanfaat pada manusia. Ada antaranya berbahaya dan memudaratkan manusia. Dalam Islam, terdapat beberapa spesies haiwan dianjurkan Nabi SAW agar dihindari dan dibunuh apabila mengancam. Antaranya tikus, kala jengking, gagak, helang, anjing, ular dan cicak. Golongan haiwan ini digelar Nabi SAW dengan satu gelaran yakni, “*haiwan fasiq*” (*haiwan yang melampaui batas terhadap manusia*).

Permasalahannya, tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap konsep “*haiwan fasiq*” adalah lemah. Mereka hanya faham istilah “*haiwan perosak*” apabila merujuk kepada haiwan yang mengganggu kerja seharian manusia sedangkan haiwan *fasiq* dimaksudkan Nabi SAW juga merujuk kelompok haiwan sama bahkan

---

<sup>1</sup> Sheikh Thaha Abdur Ra'uf Sa'ad dan Sa'ad Hasan Muhammad Ali, *Qabil & Habil: Kisah Orang-Orang Zhalim* (Yogyakarta: Mitra Pustaka, 2004), 31.

lebih mendalam. Salah faham masyarakat ini berlaku akibat kekurangan ilmu dan pendedahan terhadap definisi dan skop haiwan fasiq itu sendiri.

Kalau ditanya anggota masyarakat mengenai jenis-jenis haiwan fasiq, mereka pasti tertanya-tanya apakah yang dimaksudkan? Malah, setiap responden yang ditemui perlu dijelaskan terlebih dahulu tentang definisi haiwan fasiq.<sup>2</sup> Apabila diperjelaskan haiwan fasiq adalah haiwan perosak. Ada yang beranggapan haiwan perosak hanya serangga perosak tanaman semata-mata.<sup>3</sup> Jadi, penting untuk mencurahkan ilmu memperbetulkan salah faham masyarakat sekaligus memperkenalkan jenis-jenis haiwan perosak menurut Islam.

Haiwan fasiq (haiwan perosak) tidak terhad kepada tujuh ekor haiwan sahaja. Buktinya, ia turut meliputi haiwan-haiwan yang bersifat seumpama. Hadith Nabi SAW hanya sebagai dasar perbahasan hukum sesuai dengan kalam baginda SAW yang bersifat "*Jawāmi' al-Kalām*" iaitu kata-kata ringkas sarat dengan makna tersirat.

Misalnya, anjing liar digelar fasiq kerana bersifat buas dan ganas. Namun, hukum ini tidak khusus pada anjing dan turut meliputi haiwan buas lain seperti harimau, beruang dan singa. Kala jengking pula simbolik kepada haiwan berbisa seperti lipan dan tebuan. Tidak ramai tahu bahawa Nabi SAW ada menyebutkan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak). Oleh itu, perkara ini kritikal untuk dipelajari kerana pertembungan manusia dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) boleh terjadi dan memerlukan ilmu bagi menangani spesies haiwan fasiq untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

---

<sup>2</sup> Satu kajian telah dijalankan di daerah Pengkalan Hulu, Perak memfokuskan kepada dua bahagian iaitu kawasan kampung Selarong dan taman perumahan sekitar pekan Pengkalan Hulu untuk mendapatkan maklumat berkenaan persepsi dan kefahaman masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak). Kajian soal selidik tersebut telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2013.

<sup>3</sup> Ini merupakan hasil pertanyaan secara rawak pengkaji mengenai konsep haiwan fasiq ketika mana menjalankan projek kajian "*Pusat Rawatan Islam Berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah Di Malaysia*" pada bulan Januari 2013.

Pendedahan masyarakat terhadap kisah-kisah haiwan berkaitan haiwan fasiq masih kabur. Masyarakat cuma mendengar cerita cicak yang digambarkan haiwan ingkar dan dibenci dalam sejarah Nabi. Dikatakan cicak membantu meniup api yang membakar Nabi Ibrahim AS dan berbunyi untuk memberitahu kedudukan Nabi SAW kepada kaum kafir Quraisy ketika peristiwa hijrah. Begitu juga halnya dengan “*sunnah membunuh cicak*” pada malam Jumaat. Perkara ini bersumberkan warisan cerita mulut ke mulut, tidak pula bersandarkan bukti nas yang *thābit*. Persoalannya, berapa ramai yang tahu spesies cicak dimaksudkan, sebab musabab dan pendekatan terbaik untuk membunuhnya.

Bagi segelintir yang mengenali haiwan perosak, ada dalam kalangan mereka telah mengambil pendekatan membunuh atau mengawal perkembangan haiwan perosak. Misalnya golongan petani dan peladang meracun dan menggunakan teknik kawalan biologi bagi menangani ancaman haiwan perosak. Malahan pihak berkuasa tempatan Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) turut menangkap, menembak dan memasang perangkap untuk mengawal populasi haiwan perosak. Tindakan pihak terlibat hanya berasaskan keyakinan dan pengalaman tanpa penjelasan syara’. Justeru, penting untuk memberi panduan kepada masyarakat mengenai cara interaksi manusia dengan haiwan fasiq terutamanya aspek kawalan haiwan perosak.

Semua jenis haiwan tidak boleh dibunuh sewenangnyanya. Setiap perbuatan mempunyai tata tertib tersendiri. Nabi SAW telah menggariskan etika dalam interaksi manusia dengan haiwan fasiq. Ini secara tidak langsung dapat menonjolkan kewibawaan Nabi SAW yang mengetahui pelbagai isu dalam masyarakat, hatta saranan dan kaedah kawalan haiwan perosak.

Nabi SAW amat mementingkan *masalahah* dan menolak sebarang bentuk *mafsadah*. Buktinya tikus harus dibunuh oleh kerana merupakan pembawa virus

berbahaya. Burung gagak dan helang harus dibunuh demi menjaga harta benda dan haiwan ternakan dari diragut tanpa kerelaan. Namun, berapa ramai anggota masyarakat yang faham bahawa membunuh haiwan perosak sebahagian sunnah Nabi SAW? Malah, kaedah kawalan haiwan perosak belum pernah dikaji berasaskan sunnah. Kajian ini penting untuk mengetengahkan aspek baru dalam bidang hadith berhubung interaksi Islam dengan haiwan perosak.

Kesimpulannya, isu haiwan fasiq (haiwan perosak) merupakan isu cukup penting untuk dikupas. Jika dibiarkan, ancaman kelompok haiwan tersebut boleh membahayakan rakyat dan membawa kerugian pada negara. Hal ini perlu difahami bermula dari jenis haiwan, sebab musabab digelar fasiq, kelompok haiwan seumpama serta hukum hakam kawalan haiwan fasiq. Interaksi antara manusia dan haiwan fasiq merupakan fokus utama kajian demi mengelakkan berlaku kepupusan haiwan yang bakal menyebabkan ketidakseimbangan ekosistem. Nabi SAW pernah bersabda,

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعَفَّلٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَّمِ لَأَمَرْتُ بِقَتْلِهَا كُلِّهَا ، فَأَقْتُلُوا مِنْهَا كُلَّ أَسْوَدَ بَيْمٍ

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Abd Allāh bin Maghfal RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “*Kalaulah anjing bukan merupakan satu umat dari umatku, nescaya akan aku perintahkan supaya dibunuh semuanya, maka bunuhlah daripadanya (anjing) yang berwarna hitam.*”<sup>4</sup>

### 0.3 KENYATAAN TENTANG MASALAH KAJIAN

Merujuk kepada latar belakang masalah, kajian ini akan menjawab dan mencari penyelesaian berdasarkan kepada beberapa persoalan di bawah:

---

<sup>4</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ṣīd, Bab fi Ittikhādih al-Kalb li Ṣīd wa Ghairih, no. Hadith 2845. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash’ath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd*, (Riyadh: al-Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 505.

1. Nabi SAW telah bersabda mengenai tujuh jenis haiwan digelar “*fuwaisiq*” dan “*fawāsiq*”. Lantas, apakah maksud sabda baginda SAW, kelompok haiwan tersebut dan kaitannya dengan haiwan perosak masa kini dari segi teori dan penyelidikan sains?
2. Kelompok haiwan fasiq merupakan haiwan yang dicabut kehormatan dari jenis haiwan lain oleh kerana sifatnya yang melampaui batas. Gelaran fasiq itu sendiri membolehkannya dibunuh. Justeru, apakah pendirian para ulama mengenai haiwan fasiq, hukum hakam berkaitan, prinsip-prinsip serta pendekatan terbaik dalam interaksi antara manusia dan haiwan fasiq yang dapat dikutip daripada analisis terhadap isi kandungan hadith haiwan fasiq ini?
3. Apakah persepsi dan pemahaman masyarakat Melayu dalam berinteraksi dengan spesies haiwan fasiq berdasarkan dapatan edaran borang soal selidik?
4. Adakah pemahaman, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu terhadap kelompok haiwan fasiq berdasarkan dapatan borang soal selidik bertepatan dengan pemahaman sunnah Nabi SAW?

#### **0.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam memastikan kajian berjalan lancar, beberapa objektif disasarkan pengkaji untuk dicapai agar mencapai objektif ditetapkan dan tidak terkeluar dari hala tuju sebenar.

1. Menjelaskan definisi sebenar gelaran fasiq terhadap haiwan, kelompok haiwan-haiwannya berdasarkan huraian al-Quran, hadith Nabi SAW, pandangan para ulama, kajian sains serta perkaitan antara haiwan fasiq dan haiwan perosak.
2. Mengumpul dan menganalisis hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq, seterusnya mengeluarkan hukum hakam, prinsip-prinsip dan pendekatan terbaik dalam menangani permasalahan berkaitan haiwan fasiq melalui huraian *fiqh al-Ḥadīth*.

3. Mengkaji persepsi, pemahaman dan interaksi masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak) berdasarkan analisis borang soal selidik.
4. Menganalisis ketepatan pemahaman, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq hasil dapatan borang soal selidik sama ada berpandukan sunnah Nabi SAW atau tidak.

## 0.5 PENGERTIAN TAJUK

Bagi memahami tajuk kajian ANALISIS HADITH MENGENAI HAIWAN FASIQ DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH PENGKALAN HULU, PERAK, pengkaji telah menghuraikan beberapa patah perkataan yang dikira penting untuk dijelaskan:

1. *Analisis*: Penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspek secara terperinci dan mendalam.<sup>5</sup>
2. *Fasiq*: Tidak mempedulikan perintah Allah SWT, golongan yang berdosa besar, buruk perangai dan melazimi kejahatan dan kegilaan.<sup>6</sup>
3. *Al-Kutub Al-Sittah*: Merujuk kitab-kitab matan hadith iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi' al-Tirmīdhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*.
4. *Persepsi*: Gambaran dan bayangan dalam hati tentang sesuatu. Ia bermaksud pandangan melalui pancaindera serta tanggapan menurut hati. Mempersepsi membawa maksud gambaran (bayangan) dalam fikiran tentang sesuatu.<sup>7</sup>
5. *Pengkalan Hulu, Perak*: Pengkalan Hulu atau nama lamanya Kroh merupakan sebuah daerah di negeri Perak yang bersempadan dengan dua wilayah, iaitu

---

<sup>5</sup> Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 51.

<sup>6</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 2 September 2012, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fasiq>.

<sup>7</sup> *Ibid.*, dicapai pada 2 September 2012, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=persepsi>.

Kedah dan Thailand. Bukit Berapit adalah kawasan bersempadan dengan Thailand, manakala gunung Inas menjadi pemisah antara Kedah dan Pengkalan Hulu.<sup>8</sup> Pengkalan Hulu ialah kawasan berpopulasi kecil berhampiran Hutan Simpan *Royal Belum* dan Tasik Banding di daerah Gerik, Perak.

Kesimpulannya, kajian pengkaji adalah berhubung penelitian terhadap hadith-hadith Nabi SAW berkaitan haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah*. Seterusnya, tumpuan kajian diarahkan untuk menilai persepsi dan kaedah interaksi masyarakat Melayu daerah Pengkalan Hulu, Perak terhadap kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak). Setelah itu, kefahaman reponden akan dianalisa melalui kaedah perbandingan dengan *fiqh al-Hadīth* untuk mengenalpasti pengaplikasian kefahaman yang bertepatan dengan syariat dan memperbaiki skop fahaman bercanggahan.

## 0.6 SKOP KAJIAN

Pengkaji menumpukan beberapa perkara penting berkaitan haiwan fasiq menurut perspektif hadith. Fokus pertama adalah pengumpulan dan takhrij ringkas<sup>9</sup> hadith-hadith haiwan *fasiq*. Proses ini tertumpu pada hadith-hadith dalam *al-Kutub al-Sittah*, iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Hadith-hadith yang terkandung di dalamnya telah

---

<sup>8</sup> Sejarah Pengkalan Hulu bermula sebagai pusat pentadbiran Negeri Reman (sebahagian daripada Negeri Patani) yang mana sempadan negerinya adalah Kedah dan Patani. Bagaimanapun, Raja Reman telah mencerooboh Klian Intan dan mengusahakan perlombongan bijih timah di situ, sehinggalah tercetusnya beberapa siri pertikaian dengan Kerajaan Perak dan beberapa perjanjian yang diusahakan antara pihak Inggeris, Siam dan Perak. Pada tahun 1902, Kerajaan Siam telah menghapuskan sistem pemerintahan beraja di Negeri Reman. Setelah itu, Kerajaan Siam telah menyerahkan daerah Hulu Perak kepada Kerajaan Perak. Istiadat penyerahan daerah Hulu Perak dilangsungkan di Kroh pada 16 Julai 1909. Pengkalan Hulu pada dahulunya dikenali sebagai Kroh. Sejarah nama Kroh bermula dengan sebuah sungai kecil yang mengalir melalui kawasan ini. Sungai yang mengalir ini berpunca dari sebuah kampung yang bernama Selarong. Selarong bermaksud 'denai gajah' dalam bahasa Arab. Sungai ini menjadi tempat mandi dan berkubang gajah-gajah kepunyaan Raja Reman yang bilangannya menjangkau ratusan ekor. Bagi memudahkan gajah-gajah tersebut mandi, Raja Reman telah memerintahkan agar empangan dibina untuk membendung air. Aliran sungai yang diempangkan itu menjadi sebuah tasik kecil dengan keadaan airnya yang sentiasa keruh. Disebabkan itulah bandar ini telah dinamakan sebagai Kroh pada masa dahulu. Pada 4 Januari 1984, semasa pemerintahan Sultan Perak ke-33 iaitu Almarhum Sultan Idris Al-Mutawakkil Alallahi Shah (Sultan Idris Shah II), baginda telah berkenan meminda nama Kroh kepada Pengkalan Hulu kerana tempat ini menjadi tempat persinggahan apabila baginda berangkat ke daerah Hulu Perak. Kini, tinggalan tasik kecil tersebut telah dibangunkan oleh pentadbiran daerah sebagai taman rekreasi yang dinamakan Taman Tasek Takong. Kaitan antara gajah dengan nama Kroh juga telah diabadikan menerusi logo Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan. Lihat laman sesawang Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH), Perak Darul Ridzuan, dicapai 13 Mac 2013, <http://www.mdp.gov.my/web/guest/latar-belakang-pengkalan-hulu1>.

<sup>9</sup> Maksud takhrij ringkas merujuk kepada pernyataan pengkaji terhadap sumber hadith dalam *al-Kutub al-Sittah*, menyatakan dan mengumpulkan pandangan ulama bagi hadith yang bukan bertaraf sahih dan diragui kesahihannya, menetapkan taraf hadith berdasarkan pandangan ulama dan sebahagian catatan dan penjelasan diletakkan pada nota kaki sahaja. Contoh takhrij ringkas ditulis seperti berikut: "Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ṭībb, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5678.]"



memadai. Melalui tinjauan awal pengkaji, terdapat tiga puluh hadith berkaitan haiwan fasiq.

Seterusnya, pengkaji menumpukan analisis hadith-hadith tersebut berdasarkan *fiqh al-Ḥadīth* dengan merujuk kitab-kitab *sharḥ al-Ḥadīth* dan kitab berkaitan agar di akhir kajian, dapat dijana satu pandangan yang jelas berhubung signifikan gelaran fasiq terhadap haiwan, kaitan haiwan fasiq dengan haiwan perosak, hikmah suruhan Nabi SAW, hukum hakam, prinsip dan pendekatan terbaik dalam berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq dan haiwan perosak.

Skop kajian ketiga ialah penilaian terhadap pengaplikasian *fiqh al-Ḥadīth* berkenaan pengetahuan masyarakat terhadap maksud dan jenis haiwan fasiq, persepsi masyarakat terhadap hadith membunuh haiwan fasiq, pemahaman dari sudut interaksi dengan haiwan fasiq, bagaimana mengenal pasti jenis haiwan fasiq dan atas dasar apakah ia dibunuh. Kaedah penilaian ini dilakukan melalui kajian lapangan yang mengkehendaki pengkaji turun padang ke daerah Pengkalan Hulu, Perak bagi mendalami kefahaman, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak).

Kajian ini berasaskan kaedah persampelan dengan menggunakan peratusan tertentu untuk mewakili jumlah masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak. Sebelum kajian menyeluruh dijalankan, pengkaji akan melakukan kajian rintis (*pilot test*) terlebih dahulu untuk memastikan ketepatan soalan dan data. Setelah itu, keseluruhan data-data dikumpulkan, dianalisis satu persatu supaya di akhir analisis dapat difahami berhubung pemahaman, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu terhadap kelompok haiwan fasiq.

Seterusnya, persepsi dan interaksi masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu akan dapat dinilai keabsahannya menurut sunnah. Di akhir kajian, pengkaji dapat membezakan dengan jelas pendekatan, etika dan persepsi yang berlandaskan sunnah dengan pendekatan yang tidak mempunyai dalil atau persepsi yang salah serta menyalahi amalan berinteraksi dengan haiwan fasiq menurut sunnah Nabi SAW.

## **0.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pentingnya kajian ini atas beberapa sebab:

1. Menjelaskan kepada masyarakat Muslim faktor-faktor Islam membenarkan haiwan tertentu dibunuh sedangkan Islam adalah agama yang menjaga kepentingan dan hak setiap makhluk dari segenap aspek kehidupan.
2. Berkongsi ilmu dengan masyarakat bahawa Islam agama yang *syumūl* dan telah membicarakan kaitan dan hubungan haiwan fasiq dengan haiwan perosak yang wajar ditangani demi kebaikan bersama.
3. Membuktikan peranan hadith sebagai sumber pendalilan dan penghujahan dalam aspek keilmuan adalah benar, khususnya dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan haiwan fasiq (haiwan perosak) berkaitan.
4. Menjelaskan secara fakta akan persepsi dan pemahaman masyarakat Melayu terhadap haiwan-haiwan fasiq dan menilai ketepatannya berdasarkan sunnah Nabi SAW.
5. Menjana, memperbetul dan memperjelaskan pendekatan terbaik berhadapan dengan haiwan fasiq (haiwan perosak). Ia juga berfungsi sebagai saranan kepada masyarakat. Pada akhir kajian, dapat dirangka satu panduan khusus cara kawalan haiwan perosak menurut sunnah Nabi SAW.
6. Mengupas isu-isu fiqh berkaitan kenajisan haiwan fasiq seperti cicak, tikus dan sebagainya serta hubung kaitnya dengan ibadah seseorang Muslim.

7. Memberi pendedahan bahawa Islam mementingkan kefahaman yang betul terhadap setiap sunnah-Nya seperti hal membunuh haiwan-haiwan fasiq. Setiap sunnah Nabi SAW mempunyai hikmah tersendiri dan mengundang kemusnahan jika disalah erti.

Oleh sebab berikut, pengkaji mengambil tanggungjawab penting dengan membuat kajian persepsi dan amalan masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq oleh kerana masyarakat masih tidak memahami dan keliru terhadap sunnah Nabi SAW.

## **0.8 ULASAN PENULISAN LEPAS**

Berdasarkan soroton kepustakaan, pengkaji mendapat data-data penulisan lebih relevan. Maklumat yang diperolehi adalah dari sumber-sumber primer dan sekunder sama ada daripada buku-buku, artikel-artikel, kajian ilmiah, jurnal-jurnal, dan internet, yang mana Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai pusat rujukan utama.

**Pertama:** Ahmad Kamaluddin Abdul Jawād, *Al-I'jāz al-'Ilmī fi Ahādīth al-Rasūl SAW 'An al-Wazāgh*, Kuliyyah al-'Ulūm, Universiti al-Azhar al-Sharif. Kajian ini menggunakan metode analisis kualitatif berasaskan artikel jurnal terhadap hadith berkenaan cicak. Hasil dapatan kajian ini membahaskan tabiat, spesies dan habitat cicak disertai perbahasan menurut al-Qur'an dan al-Hadith secara terperinci. Ia turut memuatkan bahaya penyakit yang disebarkan cicak. Sumbangan artikel jurnal ini terbatas apabila hanya membicarakan tentang cicak sahaja. Justeru, kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji yang membincangkan semua jenis haiwan fasiq termasuk cicak.

**Kedua:** Monika @ Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, *Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam*. Artikel jurnal ini dibentangkan dalam Seminar

Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD I). Metode digunakan artikel jurnal ini adalah analisis hadith-hadith anjing. Hasil perbincangan tertumpu pada isu pemeliharaan dan pengharaman anjing. Sumbangan artikel jurnal ini terbatas apabila hanya membicarakan tentang anjing. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji oleh kerana tidak membahaskan spesies haiwan-haiwan fasiq lain dan tatacara interaksi dengan haiwan fasiq dengan teliti kecuali terhadap anjing.

**Ketiga:** Abu Salmā Muhammad Rachdie, S. Si, *Mukjizat Hadith Lalat: Studi Ilmiah Hadith Lalat Dalam Perspektif Islam Dan Ilmu Medis Moden*, Maktabah Abū Salmā al-Atsari. Metode analisis memfokuskan analisis hadith Nabi SAW tentang lalat. Data saintifik yang didapati dari hadith dikaji dan dibuktikan melalui kajian sains moden. Sumbangan artikel jurnal ini terbatas apabila hanya membicarakan perihal lalat sahaja. Namun, lalat tidak termasuk dalam kategori haiwan perosak yang akan dikaji. Kajian ini berbeza oleh kerana membahaskan haiwan yang berbeza dengan haiwan kajian meski dibahaskan dari aspek hadith.

**Keempat:** Muhamad Hafiz Bahari, *Hukum-Hukum Mengenai Anjing, Kucing Dan Haiwan Buas: Penjelasan Hukum Daripada Tafsir Hadith Dan Ayat-ayat Al-Qur'an*, Diploma Syariah, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Pulau Pinang. Metode kajian ini menggunakan analisis tafsir dan hadith. Hasil dapatan adalah berbentuk perbincangan umum terhadap anjing, kucing dan haiwan buas. Fokus perbahasan cenderung kepada hukum memelihara anjing dan haiwan buas selain hukum jual beli haiwan buas dan kaedah berburu dengan anjing. Kajian ini menyumbang dalam memahami perihal anjing secara umum dan berbeza dengan kajian pengkaji yang membahaskan tujuh jenis haiwan fasiq secara terperinci.

**Kelima:** Mohd Sukki Othman, *Perumpamaan Serangga Dalam al-Quran: Analisis I'jaz*, International Jurnal on Quranic Research, bil. 2, no. 2 (2012), Universiti

Malaya. Metode kajian ini menggunakan analisis tafsir ayat al-Qur'an. Hasil dapatan kajian membahaskan jenis serangga yang disebut dalam al-Quran dan dibuktikan dari aspek *i'jāz al-Qur'ān*. Antara serangga yang dibahaskan ialah semut dan lebah. Kajian ini berbeza oleh kerana tidak memfokuskan spesies haiwan fasiq. Malah, penggunaan hadith juga sedikit dan lebih kepada perbincangan tafsir al-Qur'an.

**Keenam:** Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas Abd Wahid (Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor), *Babi Dalam Pendidikan Veterinar: Suatu Panduan Menurut Fiqh*. Kertas kerja pembentangan Seminar Fenomena Najis *Mughallazah* Dalam Dunia Kontemporari.<sup>10</sup> Metode perbincangan adalah berkaitan babi dari sudut veterinar dan dikemukakan dalil-dalil al-Qur'an, al-Hadith dan perbahasan fiqh. Hasil dapatan kajian ini cukup lengkap. Segala aspek berkaitan khinzir dibahas dengan amat baik. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana ia membahaskan tentang khinzir yang tidak termasuk dalam spesies haiwan yang ingin dikaji.

**Ketujuh:** Dirwan Suryo Soularito, *Petunjuk Kesihatan Dalam Al-Quran dan Al-Sunnah*, Pensyarah FK UMY, Bahagian Anatomi dan Forensik Medikolegal. Artikel jurnal oleh pensyarah Universiti Indonesia. Hasil dapatan kajian lebih kepada panduan menjaga kesihatan berlandaskan al-Qur'an dan al-Hadith. Metode perbincangan kajian cenderung kepada fakta larangan memakan, menghindari kelompok haiwan fasiq serta pembuktian saintifik terhadap hadith yang didapati daripada kajian-kajian ilmiah. Sumbangan kajian ini boleh diambil kira dalam memahami konsep haiwan fasiq secara ringkas. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji yang membicarakan perihal setiap jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan terperinci.

---

<sup>10</sup> Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas Abd. Wahid, "Babi Dalam Pendidikan Veterinar: Suatu Panduan Menurut Fiqh" (makalah, Seminar Standard Halal dan Kepenggunaan, Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor dan Persatuan Kebajikan Islam SIRIM, Auditorium SIRIM Berhad Shah Alam, 8 Ogos 2009).

**Kelapan:** M.S. Shazuani A. Hamdan, S. Ahmad & A.B. Idris, *Taburan dan Kelimpahan Parasitoid Lalat Rumah (Hymenoptera: Chalcidoidea) di Ladang Ternakan Ayam di Semenanjung Malaysia (Distribution and Abundance of Housefly Parasitoids (Hymenoptera: Chalcidoidea) at the Poultry Farms in Malaysia)*, Jurnal Sains Malaysiana 41(9) (2012), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Metode kajian ini membincangkan haiwan perosak lalat dari aspek agama dan sains. Dapatan kajian dilakukan dengan berkesan bermula dengan habitat, tabiat, gangguan dan wabak penyakit yang mampu disebarkan lalat. Namun begitu, lalat tidak termasuk dalam haiwan yang ingin dikaji dan tidak menyumbang kepada kajian.

**Kesembilan:** Norela Sulaiman, Maimon Abdullah & Nurul Ashikeen Ahmad Rithauddeen, *Laporan Kajian Kepelbagaian Serangga Perosak Dan Bukan Perosak Di Kawasan Penanaman Sri, Lubok China, Melaka, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. Metode perbincangan memfokuskan haiwan perosak dan ancumannya terhadap sektor tanaman komersial di Lubok China, Melaka. Hasil dapatan lebih kepada ancaman haiwan fasiq seperti ular dan tikus. Sumbangan kajian ini boleh diguna pakai apabila menceritakan tentang ancaman haiwan fasiq secara realiti. Namun, kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana tidak memuatkan perbincangan agama.

**Kesepuluh:** Shariha Khamis (2007), *Kepelbagaian serangga di ekosistem pertanian: tinjauan serangga perosak di kebun sayur dan buah*, Universiti Malaysia Sabah (UMS), latihan ilmiah untuk memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Sains, sesi 2006-2007. Metode perbincangan adalah berasaskan kajian saintifik. Hasil dapatan memfokuskan sifat setiap haiwan perosak tanaman dan impak terhadap pendapatan pekebun serta ekosistem. Akan tetapi, ia tidak membincangkan haiwan perosak dari perspektif hadith dan tidak menyumbang kepada kajian pengkaji.

**Kesebelas:** Steve Backshall (2007), *Steve Backshall's Venom: Poisonous Creatures in the World*, United Kingdom: New Holland Publisher (UK) Ltd. Metode kajian adalah lebih kepada ensiklopedia haiwan. Hasil dapatan memuatkan haiwan berbisa dan berbahaya seluruh dunia termasuk ular dan kala jengking. Meski memuatkan haiwan yang ingin dikaji, namun tidak menyumbang kerana tiada kupasan aspek agama serta huraian adalah terlalu ringkas.

**Keduabelas:** Rumaizi Ahmad, *Babi Menurut Perspektif Islam, Budaya Dan Agama Lain*, Kertas kerja pembentangan Seminar Fenomena Najis *Mughallazah* Dalam Dunia Kontemporari. Metode perbincangan adalah berkaitan babi dari perspektif perbandingan agama dan budaya. Hasil dapatan kajian ini cukup lengkap. Segala aspek khinzir menurut agama lain dibahas dengan baik. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana ia membahaskan tentang khinzir yang tidak termasuk dalam spesies haiwan yang ingin dikaji.

**Ketigabelas:** Mohd Farhan Md Ariffin, et.al. *Fiqh Haiwan Perosak Menurut Tafsir Al-Qurtubi: Satu Analisis*. Artikel jurnal ini telah dibentangkan dalam Seminar The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014 (MUQADDAS IV). Metode digunakan artikel jurnal ini adalah analisis perbahasan tafsir mengenai haiwan fasiq (haiwan perosak). Hasil perbincangan tertumpu pada aspek interaksi dengan haiwan perosak menurut al-Qur'an memfokuskan tafsir al-Qurtubi. Sumbangan artikel jurnal ini terbatas apabila hanya membicarakan haiwan fasiq dari perspektif Qur'an. Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji oleh kerana tidak membahaskan spesies haiwan-haiwan fasiq menurut hadith.

Kajian lain yang hampir dengan kajian pengkaji ialah dari hasil kertas projek ijazah Sarjana Muda Usuluddin Universiti Malaya. **Pertama**, "Mohamad Solihin Bin Adnan, *Kepercayaan Mistik Masyarakat Melayu Terhadap Karakteristik Ular Dan*

*Kaitannya Menurut Perspektif Al-Quran dan Sains*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2011/2012.” **Kedua**, “Nor Jannah Binti Awang, *Katak Menurut Perspektif Al-Qur’an dan Sains: Larangan Membunuh Dan Memakannya*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2011/2012.” **Ketiga**, “Siti Nuriyah Binti Hamid, *Nyamuk Menurut Perspektif Al-Qur’an dan Sains: Mudharat Dan Manfaat*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2011/2012.” **Keempat**, “Nurul Husna binti Mat Isa, *Burung Menurut Perspektif Al-Qur’an dan Sains: Tumpuan terhadap Fungsi Burung Dalam Kehidupan Manusia*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2010/2011.” **Kelima**, “Hasruzaini binti Abdul Razak, *Khasiat Madu Lebah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Sains: Kajian Ayat 68 Hingga 69 Surah Al-Nahl*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2002/2003.” **Keenam**, “Siti Sarah binti Izham, *Al-Amthāl Dalam Al-Quran: Kajian Al-Amthāl Berkenaan Haiwan*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2009/2010.” **Ketujuh**, “Quratul Ainiyah binti Md Rasidi, *Labah-Labah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Sains*, Latihan Ilmiah untuk memperolehi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 2010/2011.”

Kesimpulannya, pengkaji yakin tiada lagi kajian “ANALISIS HADITH MENGENAI HAIWAN FASIQ DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH: KAJIAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH PENGKALAN HULU, PERAK.” Kajian pengkaji memfokuskan analisis hadith-hadith berkenaan tujuh ekor haiwan fasiq (haiwan perosak) iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing, ular dan cicak serta mengkaji persepsi, kefahaman dan interaksi masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak terhadap haiwan fasiq dalam mencari kaedah kawalan terbaik sebagaimana digariskan Nabi SAW.



## **0.9 METODOLOGI KAJIAN**

Penggunaan metodologi yang tepat sangat mustahak untuk proses pengumpulan dan analisis data. Oleh itu, dua metodologi utama digunakan oleh dalam kajian ini, iaitu Metodologi Pengumpulan Data dan Metodologi Analisis Data.

### **0.9.1 Metode Penentuan Subjek**

Pengkaji menggunakan metode “*sampling*” dalam menentukan subjek penyelidikan. Pengkaji akan mengambil sebahagian masyarakat Melayu daerah Pengkalan Hulu, Perak bagi mendapatkan data persepsi, kefahaman dan kaedah interaksi mereka dengan haiwan fasiq sebagai sampel kepada populasi penyelidikan keseluruhan.

### **0.9.2 Metodologi Pengumpulan Data**

Metode ini bererti usaha-usaha pengumpulan dan penafsiran data terkumpul. Oleh sebab itu, tujuan penggunaan metode ini adalah untuk memperolehi informasi yang lebih tepat. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji telah menggunakan beberapa metode bagi mendapatkan data-data diperlukan. Data-data tersebut diperolehi dari beberapa sumber iaitu sumber primer dan sekunder. Dalam usaha mengumpulkan data, pengkaji menggunakan dua jenis penyelidikan iaitu:

- i. Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)
- ii. Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

#### **i. Penyelidikan Perpustakaan**

Kajian perpustakaan adalah merujuk penggunaan bahan-bahan dalam perpustakaan berbentuk dokumen terpilih. Pengkaji mengaplikasikannya untuk membentuk rangka

kajian dengan melihat kajian-kajian lepas khususnya berhubung tajuk kajian. Melalui metode ini, pengkaji mendapat data kajian lepas di samping menilai kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut serta mendedahkan maklumat tentang kajian yang belum dijalankan.

Pengkaji menggunakan metode ini pada bab pendahuluan dan seterusnya membentuk rangka kajian penuh. Melalui metode ini, pengkaji menggunakan kemudahan-kemudahan di beberapa buah perpustakaan iaitu:

1. Perpustakaan Utama Universti Malaya.
2. Perpustakaan Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Negara.
5. Perpustakaan Tun Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
6. Selain itu, pengkaji mengambil maklumat-maklumat berkaitan daripada internet dan perisian hadith sedia ada.

Dalam kajian ini, beberapa metode diaplikasikan antaranya:

#### **a. Metode Historis**

Metode ini merupakan satu proses untuk menentukan adanya pandangan yang tepat mengenai sesuatu kajian. Dengan menggunakan metode ini, pengkaji menerangkan tentang haiwan fasiq dan sejarah asal-usulnya menurut al-Quran dan al-Hadith, sifat, ancaman serta struktur saintifiknya menurut ilmu sains dalam bab satu dan bab dua.

## **b. Metode Dokumentasi**

Data-data yang berbentuk dokumen seperti jurnal, tesis dan disertasi, majalah, ensiklopedia, akhbar, kertas kerja dan buku. Pengkaji mengumpulkan bahan-bahan berbentuk dokumen berkaitan tajuk kajian sama ada dari institusi pengajian, perpustakaan, arkib atau membeli dan meminjam bahan tersebut.

Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam bab pendahuluan, bab pertama dan bab kedua. Pengkaji merujuk sumber-sumber dokumentasi dengan cara mengamati kandungan *al-Kutub al-Sittah*, kitab ulasan hadith *al-Kutub al-Sittah* dan kitab-kitab karangan ulama terdahulu, rencana berkenaan haiwan dan lain-lain.

### **ii. Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan secara langsung ke atas objek terpilih untuk mendapatkan fakta secara spesifik di samping kajian perpustakaan. Dalam rangka penyelidikan ini, beberapa metode diaplikasikan:

#### **a. Metode Pemerhatian (*Observation*)**

Observasi merujuk kepada pengamatan, pemerhatian, dan pencatatan pengkaji terhadap fenomena yang dikaji secara bersistematik.<sup>11</sup> Tujuan observasi adalah mendapatkan data tentang sesuatu sehingga memperoleh pemahaman atau sebagai alat menyemak semula (*re-checking*) informasi yang diperoleh. Metode ini digunakan dalam bab ketiga untuk memerhatikan amalan responden berinteraksi dengan haiwan fasiq.

---

<sup>11</sup> Menurut Idris Awang, observasi selalunya disertakan dengan temubual tanpa struktur atau temubual tidak seragam bagi membolehkan penyelidik mengesahkan apa yang difahami daripada keadaan atau suasana ketika itu atau untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut. Oleh itu, dalam proses observasi, kemungkinan pengkaji menyelidap masuk dalam fenomena yang dikaji atau melibatkan diri secara langsung atau menjadi pemerhati dari luar yang disertakan dengan perancangan teliti. Lihat Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, 2001) 60-61.

## **b. Metode Soal Selidik**

Borang soal selidik merupakan pelengkap kepada data yang diperoleh secara temubual dan pemerhatian. Ini disebabkan penyelidik tidak mampu untuk menemubual keseluruhan responden. Metode soal selidik ini diaplikasikan dalam bab ketiga untuk mendapatkan data-data berhubung persepsi dan interaksi masyarakat Melayu dengan haiwan fasiq. Sebelum diedarkan borang kaji selidik kepada responden, pengkaji akan melakukan ‘*pilot test*’ terlebih dahulu bagi menjamin keabsahan (*validity*) soalan.

### **0.9.3 Metodologi Analisis Data**

Setelah semua data dikumpulkan, pengkaji beralih kepada metodologi analisis data. Ini memerlukan keupayaan pengkaji menaakul maklumat-maklumat yang diperoleh. Hal ini kerana metode ini menggunakan pola pemikiran dari bersifat khusus kepada lebih umum. Dalam istilah penyelidikan, kedua-dua proses ini dikenali sebagai metode induktif (terperinci) dan metode deduktif (khusus kepada umum).

#### **i. Metode Induktif**

Metode ini diertikan sebagai satu pola berfikir untuk menghurai atau menganalisis data kepada kesimpulan dari maklumat yang bersifat khusus kepada dalil-dalil bersifat umum.<sup>12</sup> Metode ini digunakan dalam bab ketiga dan kelima. Dalam bab kelima misalnya, setelah dianalisis segala data secara khusus, pengkaji akan menyimpulkan kajian secara umum.

---

<sup>12</sup> Sheikh Othman Sheikh Salim et al., *Kamus Dewan Edisi Baru* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 452, dan Imam Bernadib, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP, 1982), 52.

## ii. Metode Deduktif

Metode ini diertikan sebagai satu atau menganalisis data berdasarkan pola berfikir dari kenyataan umum untuk sampai kepada kenyataan khusus.<sup>13</sup> Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab pertama, kedua dan keempat. Metode ini digunakan dalam analisis hadith-hadith haiwan fasiq untuk mencari kesimpulan khusus mengenai pendekatan Nabi SAW dalam berinteraksi dengan haiwan fasiq.

## iii. Metode Kuantitatif

Penyelidikan kuantitatif ialah menggunakan data berbentuk angka atau bilangan dan menggunakan kaedah statistik untuk analisis data<sup>14</sup> Ia biasanya dikaitkan dengan kajian yang bersifat uji kaji melibatkan data numerik dan statistik. Dapatan analisis dalam bentuk statistik selalunya digeneralisasikan kepada populasi atau objek kajian.<sup>15</sup> Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam mengumpul, memilih dan menyenaraikan hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq dari *al-Kutub al-Sittah* dalam bab kedua.

## iv. Metode Komparatif (Perbandingan)

Metode perbandingan merupakan kaedah membuat kesimpulan dengan membandingkan data.<sup>16</sup> Kesimpulan yang dibuat berlandaskan kepada data-data berautoriti. Metode ini diaplikasikan untuk menganalisis data-data berhubung persepsi dan kefahaman masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq dalam bab keempat bagi menilai pendekatan dan persepsi masyarakat Melayu terhadap haiwan fasiq berlandaskan syariat atau sebaliknya.

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, 262.

<sup>14</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication, 2001), 32.

<sup>15</sup> Ma'tuk Fedrik, *Mu'jam al-'Ulūm al-Ijtima'iyah* (t.tp: Akadamiyy Internasional, 1993), 278.

<sup>16</sup> Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 136.

## v. Metode Kualitatif

Gumilar Rusliwa Somantri menyebutkan gaya penelitian kualitatif adalah usaha membongkar sesuatu yang realiti dan memahami maknanya sehingga kajian itu menekankan kepada prosesnya serta mengemukakan keautoritian maklumat tersebut.<sup>17</sup>

Metode ini digunakan untuk menganalisis maklumat dari borang soal selidik, di samping menganalisis hadith-hadith haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah* dalam bab kedua, ketiga dan keempat.

### 0.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini didahului penjelasan terperinci terhadap permasalahan kajian, metodologi kajian, kepentingan dan dan objektif kajian serta lain-lain aspek yang menyentuh selok belok kajian. Penjelasan ini diletakkan di bawah satu bab dinamakan “Pendahuluan”. Bab ini penting untuk menjelaskan tentang tajuk, bentuk dan fokus kajian.

Dalam bab pertama, pengkaji mendahului perbahasan dengan konsep fasiq. Perbahasan dalam bab ini juga melibatkan pengertian fasiq dari sudut bahasa dan istilah, kelompok, tabiat, jenis dan pembahagian haiwan-haiwannya. Akhirnya, kaitan antara haiwan perosak dan haiwan fasiq turut diselitkan sebelum kesan haiwan fasiq kepada manusia. Bab ini penting sebagai satu panduan awal sebelum bab seterusnya.

Bab kedua adalah usaha pengumpulan keseluruhan hadith tentang setiap haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah*. Hadith-hadith tersebut dihimpunkan, ditakhrij (secara ‘*azwu*), dan dinyatakan tarafnya jika bukan dari riwayat *al-Bukhārī* dan *Muslim*. Sebelum menyatakan hadith, disebutkan bilangan hadith, diikuti tajuk, matan, sumber

---

<sup>17</sup> Gumilar Rusliwa Somantri, “Memahami Metode Kualitatif,” *Jurnal Makara Sosial Humaniora* 9, no. 2, (2005), 58.

(hanya merujuk kepada sumber dari *al-Kutub al-Sittah*) serta perbahasan hadith tersebut.

Bagi ulasan riwayat hadith, pengkaji meletakkannya pada nota kaki (*footnote*) bagi mengelakkan perbahasan terlalu panjang. Perbahasan setiap hadith adalah melalui *fiqh al-Ḥadīth* terhadap perkara-perkara berkaitan haiwan fasiq. Di akhir analisis, hadith-hadith akan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif serta dijana pendekatan berinteraksi dengan haiwan fasiq menurut sunnah Nabi SAW.

Bab ketiga merupakan analisis data soal selidik, temubual dan pemerhatian yang dijalankan kepada masyarakat Melayu di daerah Pengkalan Hulu, Perak. Data-data tersebut dianalisis agar dapat dikemukakan pemahaman, persepsi serta interaksi masyarakat terhadap haiwan fasiq.

Bab keempat pula melibatkan perbandingan data-data dalam bab kedua dan bab ketiga bagi mendapat kesahan maklumat. Hasilnya, pengkaji akan memperoleh data akhir tentang ketepatan kefahaman, persepsi dan pendekatan masyarakat Melayu daerah Pengkalan Hulu dengan pendekatan terhadap haiwan fasiq yang disyorkan Nabi SAW.

Kajian ini diakhiri dengan bab kelima di mana dilakukan rumusan keseluruhan kajian. Kemudian, pengkaji akan memberikan beberapa saranan untuk kesinambungan kajian masa hadapan.